



جائزہ مفتی نگر نیر سلانور

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR

Bil.6/2006

12 Disember 2006

FATWA PENGGUNAAN WANG ZAKAT DI BAWAH ASNAF *FI SABILILLAH* BAGI MEMBIAYAI EMOLUMEN KAKITANGAN UNIT PERUNDANGAN KELUARGA DI PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH DAN BAHAGIAN PERUNDANGAN KELUARGA, JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan supaya perkara ini perlu merujuk kepada Keputusan Fatwa pada 26-27 Jun 2006 seperti berikut:

- (i) Jawatan yang dikategorikan menepati asnaf *fi sabilillah* ialah semua kakitangan yang ditempatkan di Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Pengurusan Masjid, Bahagian Pengurusan Dakwah, Masjid Negeri Selangor, Institut Latihan dan Dakwah Selangor, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ihsan Majlis Agama Islam Selangor, Pusat Pemurnian Aqidah Baitul Iman Majlis Agama Islam Selangor dan Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor.
- (ii) Manakala jawatan yang tidak menepati asnaf *fi sabilillah* ialah di Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Pengurusan Jabatan Agama Islam, Bahagian Perundangan Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Teknologi Maklumat Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Perundangan Syara' Jabatan Agama Islam Selangor dan Bahagian Sistem Maklumat di Jabatan Mufti Negeri Selangor.

(iii) Bagi mengatasi beberapa jawatan yang tidak menepati asnaf *fi sabilillah* disyorkan supaya Majlis Agama Islam Selangor membayar emolumen kakitangan tersebut dengan wang Baitul Mal atau peruntukan geran dari Kerajaan Negeri.

Bertarikh 12 Disember 2006
(MJKFNS.BIL.6/2006)

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Selangor

